



Nya juga Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus." (Surah al-Ma'idah, ayat 15-16)

Al-Quran sarat panduan

Al-Quran sarat dengan panduan dan pengajaran untuk setiap insan yang inginkan pedoman dalam hidup. Akidah dan syariah mengajar manusia cara melandasi dunia dengan sebaik-

baiknya sebelum tiba di akhirat yang kekal abadi.

Kisah mengenai azab dan nikmat juga tidak ketinggalan memberi peringatan buat kita yang ingin berfikir, bahawa dunia adalah fana dan tidak menguntungkan apa-apa melainkan nikmat yang sementara.

Namun, dunia jugalah yang menjayakan kehidupan di akhirat kelak jika kita mampu melakukannya dengan perintah dan suruhan al-Quran. Sebab itulah membaca al-Quran menjadi rutin bibir yang melazimi sunnah Rasulullah SAW, supaya mendapat syafaat di akhirat kelak.

Diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah SAW bersabda: "Daripada Abu Amamah Al-Bahali berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bacalah oleh kamu al-Quran kerana sesungguhnya al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya."

Sebab itulah Rasulullah bersungguh-sungguh mengerjakan amal ibadat di sepuluh terakhir Ramadan kerana lailatulqadar iaitu malam turunnya al-Quran yang akan muncul di antara hari-hari itu.

Setiap Mukmin perlu mengambil kesempatan mengakrabbkan diri dengan al-Quran. Tidak cukup membaca, al-Quran perlu difahami dan dihayati supaya pengamalan dilakukan selaras pesanan Allah SWT kerana al-Quran

jugalah yang akan memberi syafaat kepada kita di akhirat.

Syafaat puasa, al-Quran

Daripada Abdullah bin Amru, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Bahawa puasa dan al-Quran itu meminta syafaat kepada Allah SWT untuk seseorang hambanya pada hari kiamat. Berkata puasa: Ya Allah, aku telah menahan daripada makan dan minum pada siang hari, maka jadikanlah aku syafaat kepadanya. Dan berkata al-Quran: Ya Allah, aku telah menahannya daripada tidur (kerana membaca al-Quran) pada malam hari, maka jadikanlah aku syafaat kepadanya, maka Allah memberi syafaat kepadanya dengan sebab permohonan keduanya." (Riwayat Imam Ahmad)

Ada juga yang tidak mengambil kesempatan di sebalik keistimewaan ini kerana tidak tahu betapa besarnya pertolongan al-Quran kepada setiap manusia yang beriman. Malah, kemeriahan tadarus tidak mampu mengajak yang sombong dengan kehidupan dunia untuk bersahabat dengan al-Quran.

Inilah segelintir manusia yang malang di dunia dan akhirat kerana mengejar keuntungan akhirat yang tidak mampu dilabur di mana-mana melainkan dalam Ramadan singkat ini.

Sedangkan Allah SWT telah meyakinkan kita hanya al-Quran satu-satunya kitab yang mengutus nasihat daripada-Nya, yang memberi panduan supaya kita tidak tersesat seperti sebelum datangnya nur di sebalik Ramadan.

Allah SWT merakamkan kalam-Nya dalam firman: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hadiah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman." (Surah Yunus, ayat 57)

Al-Quran menjadi penawar kepada penyakit jiwa, mengubat sengketa sesama kita, mengamalkan al-Quran bukan dengan akidah atau syariahnya semata, tetapi menghayati semua perintah-Nya, supaya seluruh umat Islam kembali bersilaturahmi sehingga ke syurga.

Rugi jika tidak 'melabur' pada Ramadan

Basahkan bibir dengan al-Quran untuk mendapat syafaat di akhirat



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

Di sebalik Ramadan yang bertandang saban tahun dengan seribu janji pengampunan buat insan yang mengambil manfaat, ada lagi sesuatu

yang istimewa dan bersejarah, iaitu kitab suci al-Quran. Turunnya kalam Allah ini mengubah hidup manusia dari kufur kepada cahaya dan ternyata ia kukuh menjadi pegangan umat Islam sehingga hari ini.

Allah SWT berfirman: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah kitab al-Quran yang jelas nyata keterangannya, dengan al-Quran itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya, dan dengan-Nya Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya dan dengan-

AL-QURAN

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hadiah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman"

Surah Yunus
Ayat 57